

Lelaki didakwa miliki dadah jenis syabu

MIRI: Seorang lelaki dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan memiliki dadah berbahaya jenis syabu.

Bagaimanapun tiada pengakuan salah tertuduh direkodkan.

Mahkamah kemudian menetapkan 26 April ini untuk sebutan lanjut kes sementara menunggu laporan kimia berhubung barang

kes siap.

Manakala tertuduh yang tidak diwakili peguam bela diperintahkan dibebaskan dengan jaminan RM2,500 berserta dua penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.

Albert Chin, 35, dari Taman Ceria, Bandar Baru Permyjaya di sini, telah didakwa mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya

(ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952 telah

didakwa memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.22 gram.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 1.30 petang, 29 Mac lalu di tepi jalan Lorong 3-3 Permyjaya di sini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Randu Rangen.